



MALAYSIA

Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 51
No. 25

6hb Disember 2007

TAMBAHAN No. 143
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 402.

AKTA SETEM 1949

PERINTAH DUTI SETEM (PEREMITAN) (No. 3) 2007

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 80(2) Akta Setem 1949 [Akta 378], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Setem (Peremitan) (No. 3) 2007**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 8 September 2007.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“harta kediaman” ertinya sebuah rumah, unit kondominium, pangsapuri atau rumah pangsa yang dibina sebagai suatu rumah kediaman.

Peremitan

3. Lima puluh peratus (50%) daripada duti setem yang boleh dikenakan ke atas mana-mana surat cara pindah milik bagi pembelian satu unit harta kediaman sahaja oleh seseorang individu yang berharga tidak melebihi RM250,000 seunit dan disempurnakan pada atau selepas 8 September 2007 tetapi tidak lewat dari 31 Disember 2010 adalah diremitkan.

Dibuat 15 November 2007

[Perb.(8.09)294/6/4-9(SJ. 9)(2008)(SK. 9);

LHDN.01/32.3/42/68-180-1A)(i)(10/07); PN(PU³)159/XXXIII]

TAN SRI NOR MD. BIN YAKCOP
Menteri Kewangan Kedua